



**SELASA, 5 APRIL 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM SAHKAN PESAWAT MALAYSIA AIRLINES DARI
KUALA LUMPUR KE TAWAU BERPATAH BALIK**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengesahkan satu *Mandatory Occurrence Report* telah diterima dari Malaysia Airlines Berhad (MAB) berhubung pesawat MH2664 dari Kuala Lumpur ke Tawau, Sabah yang mengalami isu teknikal pada Isnin, 3 April 2022. Pesawat berkenaan telah berpatah balik ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur mengikut prosedur keselamatan yang ditetapkan dan mendarat dengan selamat pada pukul 5.03 petang. Juruterbang dan pembantu juruterbang telah mengendalikan isu teknikal tersebut dengan selamat dan pesawat berkenaan kembali ke Kuala Lumpur bagi tujuan penyelenggaraan.

CAAM sedang berhubung rapat dengan MAB untuk memastikan segala perkara berkaitan keselamatan teknikal ditangani sebaiknya mengikut segala prosedur keselamatan dan peraturan termasuklah maklum balas juruterbang dan proses *airworthiness* bagi jenis pesawat berkenaan. Susulan perkara ini, CAAM akan melihat semula Sistem Pengawasan Data Penerbangan dalaman MAB yang memantau dan merekodkan semua profil data penerbangan pesawat tersebut. Data awal menunjukkan maklum balas yang betul daripada kru operasi berhubung isu teknikal ini. CAAM akan terus memantau situasi ini dan tidak akan berkompromi atas sebarang isu yang berpotensi menjejaskan keselamatan dan sekuriti operasi syarikat penerbangan dan orang awam.

DATUK KAPTEN CHESTER VOO
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia